

19 JUL 2001

Mahathir-Kelantan

DR MAHATHIR NAIK BAS TINJAU PEMBANGUNAN DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menaiki bas bagi meninjau dan melihat sendiri tahap pembangunan di beberapa daerah di Kelantan esok.

Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata kesanggupan Perdana Menteri meluangkan masa melawat Kelantan membuktikan beliau amat prihatin terhadap nasib rakyat negeri itu.

Beliau memberitahu pemberita bahawa Dr Mahathir akan melihat kemajuan beberapa projek pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pusat seperti pembesaran terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Perdana Menteri juga akan meninjau kawasan sempadan Kelantan/Thailand di pekan Rantau Panjang dan Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor serta mendengar taklimat pembangunan kawasan berkenaan yang terkenal sebagai kawasan pelancongan dan membeli belah utama di Kelantan.

Mustapa yang juga Ketua Penerangan Umno berharap hasil daripada lawatan Perdana Menteri ke Kelantan, rakyat negeri itu akan sedar tentang peranan dan sumbangan kerajaan pusat dalam membangunkan Kelantan.

Berdasarkan aturcara lawatan kerja Dr Mahathir yang dikeluarkan hari ini oleh Jabatan Penerangan, sejourus tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada 8.45 pagi, beliau akan terus meninjau projek pembesaran terminal lapangan terbang itu.

Perdana Menteri kemudian akan merasmikan Program Celik IT anjuran KUB Berhad dan bertemu dengan warga pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian Dua bermula pukul 9.30 pagi.

Selepas itu, Dr Mahathir akan menaiki bas bagi meninjau kawasan Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang, iaitu perjalanan sejauh 50 Km, sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Huda di Pengkalan Kubor.

Perdana Menteri kemudian akan bertemu dengan pemimpin masyarakat dalam majlis makan tengah hari di Pengkalan Kubor, sebelum meneruskan lawatannya ke sekitar kawasan berkenaan.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan ulama di kediaman Ketua Eksekutif KUB Berhad Datuk Hassan Harun di Kubang Kerian.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali pula akan melawat Hospital Kota Baharu pada 11.30 pagi.

Perdana Menteri dan isteri dijadual pulang ke ibu negara pada sebelah malam.

-- BERNAMA

RAR MAI